

DAPATAN KAJIAN MOTIF BINTANG DALAM GENDANG GANGSA HEGER I DI MALAYSIA

Finding of the Star Motif in Heger Bronze Drum in Malaysia

Nordiana Nasuha Molinka¹

¹*Jabatan Muzium Negeri Sabah, Kota Kinabalu, Sabah*

¹*dianamolinka@gmail.com*

Dihantar: 24 April 2023 / Diterima: 11 Jun 2023 / Terbit: 21 Disember 2023

Abstrak

Malaysia mempunyai beberapa koleksi gendang gangsa iaitu sebanyak 22 buah yang terdiri daripada Heger I, II, III dan beberapa buah gendang yang tidak dikenal pasti. Kesemua gendang gangsa tersebut adalah penemuan secara tidak sengaja, koleksi istana dan orang perseorangan yang kemudiannya menjadi milik Muzium Terengganu dan Muzium Matang, Perak. Pengelasan gendang gangsa ditentukan oleh motif yang terdapat pada permukaan timpanum dan mantle. Antara motif tersebut adalah motif bintang yang terletak di tengah-tengah timpanum. Kajian mendapati motif bintang mempunyai signifikan tersendiri kerana dianggap penting dan merupakan inti utama dalam tanda pengenalan sebagai gendang gangsa. Selain itu, imej bintang juga merupakan perlambangan kepada konsep ketuhanan yang menguasai keseluruhan aspek kehidupan masyarakat yang terlibat. Sehubungan dengan itu, fokus perbincangan adalah menjurus kepada signifikan motif bintang yang terdapat pada timpanum gendang gangsa Heger I di Malaysia. Diharapkan dengan adanya kajian penulisan seumpama ini dapat memberikan data terbaru serta penjelasan dan pencerahan terkini terhadap kajian gendang gangsa di Malaysia.

Kata Kunci: Gendang Gangsa, Motif, Heger, Timpanum

Abstract

Now, Malaysia has 22 bronze drums that were recorded after the discovery of bronze artifacts in archaeological sites by an accidental palace collection and later became the museum property of Terangganu Museum and Matang Museum, Perak. The classification of the bronze drum was determined by the motifs found on the tymphanum and mantle. The study of the star motif has its own significance because it's the main point of identification for the bronze drum. In addition, the image of the star and the divinity symbol refer to the person surrendering all aspects of life to the god. Accordingly, this study attempts to provide a brief discussion of the significance of the star motif of the bronze drum Heger I collection in Malaysia. This study is vital to provide the latest data and some values, and it can also provide the latest explanation and enlightenment on the study of bronze drums in Malaysia.

Keywords: *Bronze Drum, Motif, Heger, Tymphanum*

Pengenalan

Simbol bintang merupakan imej popular yang digunapakai oleh kebanyakan peradaban tamadun dunia terutamanya Tamadun Mesir. Selain itu, simbol berkenaan juga digunakan oleh masyarakat Eropah, China dan Vietnam. Kepercayaan masyarakat terhadap kekuasaan *pole star* yang dirujuk melepasi alam cakerawala dan berhubungan dengan syurga adalah amalan turun temurun dari pelbagai fahaman dan kepercayaan yang terdapat di seluruh dunia. Perkara tersebut tidak terlepas daripada masyarakat pengamal gendang gangsa (Loofs-Wissowa, 1991, 39-49; Han Xiaorong, 2004, 7-33; Quaritch Wales, 1957, 65-108).

Masyarakat pengamal gendang gangsa terutamanya di Vietnam dan China selatan adalah golongan petani. Pertanian sawah padi di kawasan perairan Sungai Merah amat bergantung kepada keadaan cuaca dan cahaya matahari adalah sebagai

penentu kepada hujan atau kemarau sepanjang tahun. Bertitik tolak daripada kesedaran masyarakat mengenai kebergantungan kehidupan terhadap cahaya matahari, maka mereka melihat matahari sebagai penentu kepada keberlangsungan kehidupan mereka. Lama kelamaan kebergantungan berkenaan menjadi sehati dan menjadi motif pilihan utama dalam apa juga karya yang dihasilkan seperti gendang gangsa. Motif bintang atau matahari berkenaan diletakkan tepat-tepat pada tengah timpanum gendang iaitu pada bahagian penting gendang gangsa. seperti dalam aktiviti pertanian dan aktiviti seharian menyebabkan mereka memilih motif bintang atau motif matahari sebagai motif yang harus ada dan berada pada bahagian tengah timpanum.

Kajian Lepas

Penemuan gendang gangsa di Malaysia sebanyak sembilan buah gendang gangsa. Kajian gendang gangsa di Malaysia (Peacock 1963; 1969; 1971; Linehan 1928; 1951; Leong Sau Heng 1997; 2002; Nik Hassan Shuhaimi, 1998; 2001; Adnan Jusoh, et.al, 2011; 2019, Nordiana Nasuha Molinka, 2018; 2022) telah bermula sejak akhir 1920an oleh para pengkaji luar. Gendang Gangsa Tembeling merupakan gendang sulung yang ditemui pada sekitar tahun 1928 kemudiannya penemuan Gendang Gangsa Klang semasa penjajahan Jepun pada tahun 1944. Penemuan berikutnya juga dari Klang iaitu dari Kg. Sungai Lang, Kuala Langat, Selangor (2 buah) pada 1964 dan pernah direkodkan oleh B.A.V. Peacock (1964). Selain itu, penemuan gendang gangsa juga dicatatkan pernah ditemukan di kawasan Terengganu iaitu di Kampung Batu Buruk (2 buah) dan Kg. Gaung, Besut (1 buah) (B.A.V. Peacock 1964). Gendang Gangsa Timbang Dayang merupakan gendang tunggal yang ditemui di kawasan Malaysia Timur yang terletak di Pulau Banggi Sabah (Adnan Jusoh, 1995; Y. Ayoagi, 1996; Nordiana Nasuha Molinka, 2022). Manakala Gendang Gangsa Sg. Sedu (Adnan Jusoh, 2014, 45-48 pula adalah penemuan pecahan timpanum paling kecil direkodkan. Kebanyakan objek tersebut ditemui secara tidak sengaja oleh penduduk kampung menyebabkan data-data penting gendang

tersebut tidak dapat diperoleh. Rentetan daripada penemuan berkenaan, pihak muzium mengambil inisiatif melakukan kajian arkeologi penyelamatan di tapak tersebut. Kajian sedemikian adalah penting untuk mendapatkan data sokongan dan melihat asosiasi artifak di tapak berkenaan. Kebanyakan artifak gendang yang ditemui adalah kurang sempurna dan telah rosak akibat luluhawa, rosak semasa aktiviti pembangunan atau semasa pengendalian artifak. Selain itu, terdapat 10 buah gendang koleksi diraja Terengganu iaitu dari Istana Bukit Kolam yang diserahkan kepada pihak Muzium Terengganu pada 1992 (Muhd. Yusuf Abdullah, 1993: 51-62) dan tiga buah gendang gangsa dari koleksi Muzium Matang, Perak (Adnan Jusoh 2019: 76-90). Sehingga kini, Malaysia telah mempunyai gendang gangsa dari Heger I (sembilan buah), II (tiga buah), III (lima buah) dan gendang gangsa yang tidak tersenarai dalam klasifikasi tersebut (empat buah).

Metodologi Kajian

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah perbandingan motif artifak gendang gangsa Heger I yang terdapat di Malaysia. Perbandingan motif tersebut adalah menjurus kepada motif bintang yang terdapat di tengah-tengah timpanum gendang. Walau pun demikian, Gendang Gangsa Sg. Sedu) tidak terlibat dalam kajian ini kerana penemuan pecahan artifak yang tidak mampu menerangkan keseluruhan artifak tersebut (Foto 1).

Motif bintang merupakan motif utama yang terdapat pada gendang gangsa di Asia Tenggara. Kedudukannya terletak di tengah-tengah permukaan timpanum menunjukkan bahawa motif tersebut sangat penting dan mempengaruhi kehidupan masyarakat pengamal gendang gangsa secara keseluruhannya. Biasanya, motif bintang mempunyai jumlah bucu seperti 4, 6, 8, 10, 12 dan seterusnya dalam gandaan nombor genap. (Bernet Kempers, 1988, 117; Leong Sau Heng, t.th, 5; Pham Huy Thong, 1990, 82-146).




Foto 1 : Pecahan Gendang Gangsa Sg. Sedu

Sumber: dipetik dan diubah suai daripada Adnan Jusoh *et.al.*,
(2014).

Analisis Perbandingan Bintang Gendang Gangsa di Malaysia

Gendang gangsa di Malaysia mempunyai ciri-ciri unik dan tersendiri. Selain itu juga, corak dan saiz setiap motif yang mengelilingi imej bintang berkenaan juga adalah berbeza antara setiap gendang gangsa. Perkara tersebut membuktikan bahawa seni dan pembuatan gendang gangsa adalah teliti dan bersifat individual kerana tidak berkongsi acuan yang sama. Perkara tersebut dapat disahkan dengan meneliti setiap gendang gangsa di Asia Tenggara dan di Malaysia. Motif bintang pada setiap gendang gangsa juga adalah berbeza walaupun mempunyai kiraan jumlah bucu yang sama iaitu 10 bucu bintang atau 12 bucu bintang (W. Linehan, 1926; B.A.V Peacock, 1969; Adnan Jusoh, 1995).

Bintang Bucu 10

Jadual 1 merupakan jumpaan artifak gendang gangsa di Malaysia yang mempunyai bintang berbucu 10 iaitu Gendang Tembeling, Gendang Klang I, Gendang Sg. Lang I dan Gendang Batu Buruk I. Menariknya, kesemua jumpaan artifak gendang gangsa berbucu 10 di Malaysia mempunyai ciri yang sama iaitu bentuk bintang yang seragam dan mempunyai corak segitiga pada setiap celah bucu bintang (Foto 2). Selain itu juga, kesemua jumpaan artifak

gendang gangsa bintang berbucu 10 di Malaysia mempunyai imej burung dan abjad seperti huruf 'Z' dan 'L' yang terdapat pada Gendang Klang. Kesemua empat-empat gendang gangsa berkenaan adalah dalam kelompok Gendang Dongson yang sama iaitu Dongson B.

Perbezaan ciri yang ketara hanya terletak pada susun atur atau dekorasi dan pemilihan sub-motif pada permukaan gendang gangsa. Bintang berbucu 10 turut dikenali sebagai *decagram* yang terhasil daripada gabungan decagon yang bersambung pada setiap bucu tanpa penghujung. Berdasarkan bentuk bintang berbucu 10 pada koleksi Heger I di Malaysia, ia terhasil daripada pertindihan dua pentagram. Pentagram merupakan simbol lima unsur (*five elements*) iaitu api (*fire*), air (*water*), kayu (*wood*), logam (*metal*) dan tanah (*earth*). Sistem lima unsur berkenaan menjelaskan kepada interaksi dan hubungan fenomena alam. Ia juga berkaitan putaran (*cycle*) alam dan saling bergantung antara unsur dengan unsur yang lain (Mak dan So, 2015). Pertindihan dua pentagram merujuk kepada keseimbangan antara aura positif dan negatif yang terdapat pada setiap bucu mempunyai maksud berbeza (Erdogan dan Erdogan, 2014). Selain itu juga, konsep lima unsur juga merupakan rujukan awal berkaitan bidang psikologi dan kesihatan dalam mengenal pasti simptom dan rawatan susulan (Pankaj C. Jagirdar, 1988, 135-138).

Jadual 1: Gendang Gangsa Heger I Bintang berbucu 10

Nama Gendang	Ciri-ciri gendang	Tempat dijumpai	Sumber
Gendang Gangsa Tembeling	• Bintang 10 bucu • Motif segitiga pada setiap selang bucu bintang • Empat ekor burung • Heger I (Dongson B)	Batu Pasir Garam, Tembeling, Pahang	W. Linehan (1926)
Gendang Gangsa Klang	• Bintang 10 bucu, • empat ekor burung terbang • motif huruf 'Z' pada timpanum • Motif segitiga pada setiap selang bucu bintang • Heger I (Dongson B)	Bukit Kuda, Klang, Selangor	B.A.V. Peacock (1944)

*Dapatan Kajian Motif Bintang dalam Gendang
Gangsa Heger I di Malaysia*

Gendang Gangsa Sg. Lang I	• Bintang 10 bucu • Empat ekor burung • Segitiga pada setiap selang bucu bintang. • Heger I (Dongson B)	Kg. Sg. Lang, Kuala Langat, Selangor	B.A.V. Peacock (1964)
Gendang Gangsa Batu Buruk I	• Bintang 10 bucu • 12 ekor burung dan mempunyai motif abstrak • Segitiga pada setiap selang bucu bintang. • Heger I (Dongson B)	Batu Buruk, Terengganu	B.A.V. Peacock (1964)

Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada Bernet Kempers (1988); Linehan, (1951);B.A.V. Peacock (1969); Norio Kuwuhara (t.th).




Foto 2 : Koleksi Gendang Gangsa Heger I yang mempunyai Bintang berbucu 10.

Sumber : Dipetik dan diubah suai daripada Bernet Kempers (1988); Linehan, (1951);B.A.V. Peacock (1969); Norio Kuwuhara (t.th).

Bintang Bucu 12

Terdapat empat buah gendang gangsa Heger I di Malaysia yang mempunyai bintang berbucu 12 iaitu terdiri daripada Gendang Gangsa Sg. Lang II, Gendang Gangsa Batu Buruk II, Gendang Gangsa Kg. Gaung dan Gendang Gangsa Timbang Dayang (Jadual 2). Berdasarkan kajian, ketiga-tiga gendang gangsa tersebut merupakan Gendang Dongson C dan Gendang Gangsa Timbang Dayang merupakan Gendang Dongson B (Yoji Aoyagi, 1996, 127-131; Ambra Calo, 2014, 104). Walaupun berada dalam kelompok gendang yang sama, setiap gendang berkenaan memiliki ragam hiasan yang berbeza. Persamaan hanya terdapat pada motif yang dipilih namun diolah secara berlainan dan berbeza kreativiti.

Walaupun mempunyai jumlah bucu bintang yang sama, keempat-empat gendang gangsa berkenaan mempunyai personaliti tersendiri yang tidak terdapat pada gendang lain. Justeru itu, fungsi dan peranan setiap gendang gangsa juga berbeza bergantung kepada motif dan susun atur setiap corak yang dipilih.

Jadual 2: Gendang Gangsa Heger I Bintang Berbucu 12


Nama Gendang	Ciri-ciri gendang	Tempat dijumpai	Sumber
Nama Gendang	• Bintang 12 bucu • Empat ekor katak, enam ekor burung dan imej abstrak mengelilingi bintang pada timpanum. • Segitiga pada setiap selang bucu bintang. • Heger I (Dongson C II)	Kg. Sg. Lang, Kuala Langat, Selangor	B.A.V. Peacock (1964)
Gendang Gangsa Tembeling	• Bintang 10 bucu • 12 ekor burung dan mempunyai motif abstrak • Segitiga pada setiap selang bucu bintang. • Heger I (Dongson C II)	Batu Buruk, Terengganu	B.A.V. Peacock (1964)

*Dapatan Kajian Motif Bintang dalam Gendang
Gangsa Heger I di Malaysia*

Gendang Gangsa Kg. Gaung	• Bintang berbucu 12 • Terdapat empat ekor burung dan terdapat hiasan segitiga pada selang bucu bintang. • Menggunakan motif abjad L dan Z. • (Dongson C)	Kg. Gaung, Besut Terengganu.	B.A.V. Peacock (1996)
Gendang Gangsa Timbang Dayang	• Bintang 12 bucu • Terdapat lebih bahagian timpanum dan membentuk seperti soket mata. • Hiasan sangat ringkas dan terdapat ruangan kosong pada timpanum. • (Dongson B).	Pulau Banggi, Sabah	Adnan Jusoh (1995)

Sumber: Dipetik dan diubahsuai daripada B.A.V Peacock 1969, 1963 dan Nordiana, 2022.

Bintang bucu 12 biasanya dirujuk sebagai bintang paling signifikan kerana ia berkaitan dengan putaran 12 bulan dalam setahun atau zodiak (Adrian Frutiger, 1989). Biasanya, bintang berbucu 12 juga dikenali sebagai *dodecagram* yang terhasil daripada tiga segi empat; empat buah segitiga; dua bentuk poligon atau terbentuk daripada dua bentuk hexagon. Hasil daripada setiap cantuman bentuk berkenaan menghasilkan bentuk bucu bintang yang berbeza seperti tirus, pendek atau panjang. Bentuk bintang berbucu 12 yang terdapat pada gendang gangsa Heger I di Malaysia adalah bersaiz sederhana dan tidak terlalu tirus (Foto 2). Namun, ketidakseragaman saiz dan jarak antara setiap bucu dikenal pasti pada Gendang Gangsa Timbang Dayang (Nordiana, 2022; 2018) berkemungkinan besar penggunaan teknologi yang masih primitif atau kurang.



Gendang Gangsa Sg. Lang II

Gendang Gangsa Batu Buruk II

Gendang Gangsa Kg. Gaung

Gendang Gangsa Timbang Dayang

Foto 3: Koleksi Gendang Gangsa Heger I yang mempunyai Bintang berbucu 12

Sumber: Dipetik dan diubahsuai daripada B.A.V Peacock 1969, 1963 dan Nordiana, 2022

Signifikan Penemuan Gendang Gangsa Bintang berbucu 10 dan 12

Terdapat penemuan gendang gangsa berbucu 10 dan berbucu 12 secara berpasangan iaitu Gendang Gangsa Sg. Lang I dan II ditemui dalam kawasan yang sama iaitu di Sungai Lang dan Gendang Gangsa Batu Buruk I dan II juga ditemui bersama di lereng bukit yang kini dikenali sebagai Jalan Kamarudin. Manakala, Gendang Gangsa Tembeling, Gendang Gangsa Klang, Gendang Gangsa Kg. Gaung dan Gendang Gangsa Timbang Dayang tidak ditemui bersama jumpaan gendang gangsa lain. Walau bagaimanapun, tidak menolak kemungkinan bahawa ia

juga mempunyai pasangan gendang lain namun, tidak berjaya direkodkan akibat banyak faktor.

Merujuk kepada penemuan pasangan gendang gangsa di tepi pantai, ia biasanya dijadikan sebagai azimat atau perlindungan. Aktiviti pelayaran dan pengembaraan membelah lautan luas, gendang gangsa digunakan sebagai objek penting yang berperanan besar sebagai *maritime magic* (Bernet Kempers, 1988, 70). Konsep penggunaan *maritime magic* atau sihir lautan tersebut dibuktikan oleh penemuan pasangan Gendang Gangsa Sg. Lang (I dan II) dan Gendang Gangsa Batu Buruk (I dan II). Kedua-dua pasangan gendang gangsa tersebut ditemui di kawasan persisir pantai di bahagian Barat dan bahagian Timur persisiran Semenanjung Malaysia.

Gendang Gangsa Sg. Lang I dan II diletakkan pada sekeping papan pendayung menguatkan bukti bahawa berlakunya ritual atau pemujaan di tempat berkenaan bagi memanggil semangat dan kuasa mistik gendang yang mampu menjaga kawasan persisiran dan lautan berkenaan. Gendang gangsa yang telah dikuduskan untuk menjadi penjaga pantai tersebut dikuburkan dengan salah satu gendang gangsa diterbalikkan bagi menjaga keseimbangan terhadap fenomena cuaca, ombak dan bencana alam. Selain itu, gendang gangsa yang telah dipuja dan dikebumikan dipercayai mampu memberikan perlindungan daripada kuasa ilmu hitam, musuh dan juga lanun.

Kesimpulan

Oleh yang demikian, signifikan pasangan gendang gangsa bintang bucu 10 dan 12 adalah kombinasi yang sempurna iaitu berkenaan dengan perlindungan sepanjang masa (tahun) daripada unsur-unsur negatif di kawasan perairan Laut China Selatan dan Selat Melaka. Apabila bintang berkenaan dipalu maka ia mengalirkan gelombang atau getaran bunyi (aura) kepada motif-motif yang berdekatan dan kepada seluruh motif yang terdapat pada permukaan gendang gangsa tersebut. Secara tidak langsung segala doa atau mantera yang terdapat pada gendang gangsa

telah dibacakan semasa bunyi gendang gangsa berkumandang. Justeru itu, gendang gangsa Heger I di Malaysia mempunyai fungsi dan peranan yang penting dalam pelayaran dan pengembaraan masyarakat luar yang datang ke kawasan perairan Malaysia pada ketika itu.

Senarai Rujukan

Buku dan Jurnal

- Adnan Jusoh dan Yunus Sauman. 2019. Motif Hiasan Tiga (3) Buah Gendang Gangsa di Muzium Matang, Perak. *Seminar Arkeologi Kebangsaan 4*: 76-90.
- Adnan Jusoh. 2012. Penemuan Gendang Gangsa Timbang Dayang (Sabah) dan Kepentingannya dan Konteks Arkeologi. *Jurnal Arkeologi Malaysia*. 25: 49-63.
- Adnan Jusoh. 2014. Gendang Dongson di Semenanjung Malaysia: Asal Usul dan Signifikan. Batu Pahat: Penerbit UTHM.
- Adnan Jusoh, Yunus Sauman dan Zuliskandar Ramli. 2011. Gendang Gangsa di Asia Tenggara: Tinjauan Terhadap Motif Berunsur Geometri. *SARI*. 29 (2): 21-44.
- Adnan Jusoh, Zuliskandar Ramli dan Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman, 2014. Bronze Drum in Selangor (Malaysia): The Motif and Significance from Archaeological Prespective. *Research Journal of Applied Science. Engineering and Technology* 8 (7): 863-870.
- Adnan Jusoh. 2004. Penemuan Gendang Dongson di Semenanjung Malaysia: Asal usul dan Signifikan. *Tesis Sarjana*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Aoyagi, Y. 1996. Heger I Type Drum from Borneo Island. *Journal of Southeast Asian Archaeology*. 16:127-131.
- Calo, A. 2014. *Trails of Bronze Drums across Early Southeast Asia: Exchange Routes and Connected Cultural Spheres*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Erdogan, E., dan Erdogan. H. A. 2014. Feng Shui Paradigm as Philosophy of Sustainable Design. *International Journal of*

- Dapatan Kajian Motif Bintang dalam Gendang
Gangsa Heger I di Malaysia
Social, Behavioral, Educational, Economic, Business and
Industrial Engineering.* 8(10): 3328-3333.
- Frutiger, A. 1989. *Signs and Symbol: Their Design and Meaning*. New York: Van Nostrand Reinhold.
- Han, Xiaorong. 2004. Who Invented the Bronze Drum? Nationalism Politics, and Sino-Vietnamese Archaeological Debate of the 1970s and 1980s. *Asian Perspectives*, 43 (1): 7 – 33.
- Jagirdar, Pankaj C., 1988. The Theory of Five Elements in Acupuncture. *American Journal of Chinese Acupuncture*. 18: 135-138.
- Linehan, W. 1928. Some Discoveries on the Tembeling. *JMBRAS* 6 (4): 66-76.
- Loofs-Wissowa, H. H. E., 1991. Dongson Drums: Instruments of Shamanism or Regalia? *Arts Asiatiques*. 46:39-49.
- Mak, M. Y., dan So, A. T. 2015. *Scientific Feng Shui for the Built Environment: Theories and Applications*. Hong Kong: City University of Hong Kong Press.
- Mohd Yusof Abdullah. 1993. Gendang Dong Son di Muzium Negeri Terengganu: Satu Catatan. *Jurnal Arkeologi Malaysia*. 6:51-62.
- Nordiana Nasuha Molinka. 2022. Signifikan Penemuan Gendang Gangsa Timbang Dayang di Sabah dalam Konteks Arkeologi. *Tesis Ph.D.* Universiti Malaysia Sabah.
- Nordiana Nasuha Molinka *et.al.* 2018. Penelitian Awal Terhadap Motif Hiasan Timpanum Gendang Gangsa Timbang Dayang, Pulau Banggi, Sabah. *Jurnal Arkeologi Malaysia*. Vol. 31(2): 51-61.
- Norio Kuwahara. t.th. The Transfiguration and the Creation of the Tradition in Southeast Asia. *The subsidy of expense in Science Research, 9th year of Heisei*. Japan: Kagoshima University.
- Peacock, B. A. V. 1963. A Preliminary Note on the Dongson Bronze Drums from Kampong Sungai Lang. *FMJ*. 9: 1-3.
- Peacock, B. A. V. 1965. Recent Archaeological Discoveries in Malaya, 1964. *JMBRAS*. 38: 248–253.
- Peacock, B. A. V., 1969. Gendang di Kampung Sg. Lang. *Malaysia dari Segi Sejarah*. 5.
- Peacock, B. A. V. 1971. Dua buah Gendang Dongson Dari Kuala Terengganu. *Malaysia Dari Segi Sejarah*. 6.

Nordiana Nasuha Molinka

- Peacock, B. A. V. 1979. The later Prehistory of The Malay Peninsular. In R. B. Smith & W. Watson. *Early Southeast Asia: Essay in Archaeology, History and Historical Geography*. New York: Oxford University Press.
- Peacock, B.A.V. 1966. Recent Archaeological Discoveries in Malaysia. *JMBRAS*. 39 (1):198-201.
- Pham Huy Thong. 1990. *Dongson Drums in Vietnam*. Hanoi: Social Science Publishing House.
- Wales, Quaritch. 1952. *Prehistory and Religion in South-East*. London: Bernard Quaritch Ltd.